| 4 | **<u>Membersih Saluran Air Bumbung, Bumbung Pejalan Kaki, Foyer & Balkoni</u>**<br><br>Kontraktor hendaklah memeriksa, membersih dan memastikan tiada sebarang daun, pokok, halangan, tersumbat dan air bertakung pada lokasi-lokasi berikut:-<br><br>i. Saluran air bumbung *(gutter)*<br>ii. Bumbung pejalan kaki<br>iii. Foyer lobi Blok B & Auditorium<br>iv. Balkoni bangunan blok E.<br><br>Kontraktor hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran dan sentiasa dipantau semasa kerja-kerja dilaksanakan. | Sekali sebulan |
| 5 | **<u>Menyediakan Tong Roro (Saiz : 12'Lx6'Wx4'H)</u>**<br><br>Kontraktor hendaklah menyediakan satu unit tong roro di IKMa untuk tujuan pengumpulan sampah landskap dan yang berkaitan. Sampah didalam tong roro tersebut hendaklah dikeluarkan dari IKMa setelah penuh atau dua minggu sekali. Lokasi dicadangkan penempatan tong roro adalah di belakang kuarters IKMa.<br><br>*Input kenderaan hendaklah disediakan oleh kontraktor* | Setiap dua minggu |
| 6 | **<u>Membuang Sampah Pukal/ barang buangan</u>**<br><br>Kontraktor hendaklah Mengumpul, memungut dan menyedia pengangkutan bersesuaian (*Tong Roro saiz besar)* bagi membuang sampah pukal/barang terbuang di rumah sampah dan sekitar kawasan IKMa. (Kerja-kerja dilaksanakan apabila diarahkan)<br><br>*Input kenderaan hendaklah disediakan oleh kontraktor*<br><br>** Bayaran akan dibuat hanya apabila perkhidmatan dijalankan.* | mengikut keperluan |

| BIL | PERKARA | MASA/KEKERAPAN |
|---|---|---|
| **D** | **KAWALAN PEMBIAKAN JENTIK-JENTIK/ NYAMUK AEDES/ ULAR** | |
| 1 | **Meletak Serbuk racun pembunuh jentik-jentik/ nyamuk aedes *(Abate)*** <br><br> Menjalankan kerja-kerja meletakkan serbuk racun pembunuh jentik-jentik atau *Abate* di tempat dan kawasan yang didapati menjadi tempat pembiakan jentik-jentik/ nyamuk aedes. <br><br> Kontraktor perlu terlebih dahulu memaklumkan kepada pegawai bertanggungjawab IKMa sebelum kerja-kerja tersebut dijalankan. | Setiap dua minggu <br><br> *Input racun hendaklah disediakan oleh kontraktor* |
| 2 | **Tempat Pembiakan Jentik-jentik/ Aedes** <br><br> Kontraktor hendaklah memastikan tiada tempat-tempat pembiakan jentik-jentik / nyamuk aedes di seluruh kawasan IKMa. <br><br> ***Jika pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Kesihatan menjumpai tempat pembiakan jentik-jentik / nyamuk aedes, pihak kontraktor bertanggungjawab sepenuhnya kepada kompaun atau denda yang dikenakan.*** | Harian/ secara konsisten |
| 3 | **Kawalan Haiwan Liar Ular dari memasuki kawasan IKMa Jalan Templer dan Jalan Tandang** <br><br> Menjalankan kerja-kerja meletakkan serbuk racun (*belerang sulphur powder)* di tempat dan kawasan yang didapati menjadi laluan masuk haiwan liar ular tersebut. <br><br> Kontraktor perlu terlebih dahulu memaklumkan kepada pegawai bertanggungjawab IKMa sebelum kerja-kerja tersebut dijalankan. | Setiap dua minggu/ Mengikut keperluan |
| **E** | **KAWALAN KUCING LIAR** | |
| 1 | **Menangkap dan membawa keluar dari IKMa** <br><br> Menjalankan kerja-kerja menangkap kucing liar yang berkeliaran di persekitaran IKMa dan membawa keluar dari Kompleks IKMa. Kontraktor juga perlu memastikan dapat meminimumkan bilangan kucing liar di dalam kawasan Kompleks IKMa PJ. <br><br> Kontraktor perlu terlebih dahulu memaklumkan kepada pegawai bertanggungjawab IKMa sebelum kerja-kerja tersebut dijalankan. | Mengikut keperluan <br><br> *Input dan kaedah hendaklah disediakan oleh kontraktor* |

**SENARAI DOKUMEN YANG PERLU DISERAHKAN SEMASA MENGHANTAR BORANG SEBUTHARGA**

- ✓ Profail lengkap syarikat.
- ✓ Sijil status bumiputera dan yang berkaitan kontrak kerja.
- ✓ Senarai pengalaman kerja selepas dan semasa.
- ✓ Penyata kewangan 3 bulan terkini disahkan oleh pihak bank
- ✓ Cadangan senarai peralatan kerja, kenderaan, mesin, baja, racun dan yang berkaitan.
- ✓ Cadangan jadual kerja dan senarai semak penyenggaraan kawasan dan landskap.

## C. [ PEMATUHAN SPESIFIKASI TEKNIKAL ]

| BIL | PERKARA | MASA/ KEKERAPAN | PATUH | TIDAK PATUH | CATATAN |
|---|---|---|---|---|---|
| **A** | **PENYEDIAAN PEKERJA** | | | | |
| 1 | **Kontraktor**<br><br>Kontraktor perlu menyediakan tenaga pekerja pada setiap masa seperti ketetapan berikut :<br><br>Penyelia : 1 orang<br>Pekerja (di Jalan Templer) : 5 orang<br><br>Cadangan umur pekerja adalah seperti berikut :<br><br>Lelaki - Tidak lebih 50 Tahun<br>Perempuan - Tidak lebih 45 Tahun<br><br>Kontraktor adalah tertakluk kepada peraturan Kementerian Sumber Manusia Malaysia berhubung caruman KWSP, PERKESO dan lain-lain yang berkaitan kepada tenaga pekerja. Spesifikasi pekerja hendaklah telah mengambil kira keperluan-keperluan berikut :<br><br>**Penyelia**<br><br>**Penyelia** adalah diwajibkan daripada dikalangan lelaki warga tempatan yang mempunyai kemahiran dalam pengurusan landskap dan pembersihan kawasan.<br><br>**Pekerja**<br><br>**Pekerja** adalah digalakkan daripada kalangan rakyat tempatan. Namun demikian, pekerja asing boleh diterima dengan syarat memiliki passport dan permit sah berkerja di Malaysia. Pekerja Lelaki sekurang-kurangnya 5 orang.<br><br>**Kadar Gaji**<br><br>Kadar gaji penyelia dan pekerja yang dinyatakan diruang spesifikasi harga hendaklah mengikut ketetapan gaji yang telah ditetapkan oleh kerajaan (Berdasarkan Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 Akta 732 Perintah Gaji Minimum 2024) dan munasabah serta bersesuaian dengan tempoh masa bekerja, tanggungjawab dan skop tugas-tugas yang telah ditetapkan didalam spesifikasi skop kerja / teknikal. | Isnin - Jumaat<br>7.00 pagi -4.00 petang<br><br>7.00 pagi -5.00 petang (bila perlu)<br><br>Sabtu<br>7.00 pagi - 1.00 petang<br><br>*(Butiran setiap pekerja perlu diserahkan kepada IKMa untuk tujuan rekod)* | | | |

| BIL | PERKARA | MASA/ KEKERAPAN | PATUH | TIDAK PATUH | CATATAN |
|---|---|---|---|---|---|
| **B** | **PENYENGGARAAN LANDSKAP** | | | | |
| 1 | **<u>Pemotongan Rumput</u>**<br><br>Rumput-rumput di persekitaran bangunan hendaklah dipotong menggunakan mesin rumput yang bersesuaian.<br><br>Kerja-kerja memotong rumput ini hendaklah pendek lebih kurang satu inci [1"] daripada paras tanah menggunakan peralatan/ mesin yang bersesuaian. Kontraktor hendaklah memastikan rumput yang telah dipotong, disapu bersih, dimasukkan di dalam plastik sampah dan dibuang keluar dari kawasan IKMa sebaik sahaja selesai kerja.<br><br>*(Kerja-kerja pemotongan rumput perlu dilaksanakan dengan lebih kerap pada musim hujan).* | Setiap dua minggu<br><br>(Dicadang dilaksanakan pada hujung minggu)<br><br>*Input peralatan hendaklah disediakan oleh pihak kontraktor.* | | | |
| 2 | **<u>Penyiraman</u>**<br><br>Semua tanaman hendaklah disiram dengan kuantiti air yang banyak dan kadar penerapan air ke dalam tanah sebaiknya-baiknya tidak kurang dari 8" dalam tanah.<br><br>*Input peralatan hendaklah disediakan oleh pihak kontraktor dan menggunakan hose pipe reel. Input bekalan air boleh menggunakan bekalan daripada sumber berdekatan.*<br><br>(sekiranya musim hujan penyiraman dilakukan bergantung kepada keperluan) | Dua kali sehari<br><br><u>Pagi</u><br>Sebelum jam 10.30 pagi<br><br><u>Petang</u><br>Selepas 3.00 petang | | | |
| 3 | **<u>Merumput dan mengembur tanah</u>**<br><br>Melakukan kerja-kerja merumput secara manual disekeliling dan dalam kawasan tanaman daripada sebarang rumpai yang tidak diingini pada tiap-tiap hari dikeseluruhan kawasan. Kemudian tanah tersebut hendaklah mesti digemburkan sekurang-kurangnnya 8 inci dalam mengikut seperti arahan IKMa.<br><br>(Kerja-kerja tersebut dilakukan mengikut pusingan kawasan) | Setiap hari | | | |

| BIL | PERKARA | MASA/ KEKERAPAN | PATUH | TIDAK PATUH | CATATAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 4 | **Pembajaan**<br><br>Kontraktor perlu membaja semua pokok-pokok di dalam kawasan penyenggaraan mengikut kaedah dan kadar yang disyorkan oleh Pegawai Penguasa. Pembajaan boleh dilakukan selepas kerja merumput dilakukan.<br><br>Pembajaan menggunakan baja lengkap seperti NPK 15:15:15 dan yang bersesuaian dari masa ke semasa mengikut kadar yang disyorkan sepenuhnya oleh pengeluar. Baja perlu sentiasa dalam keadaan baik.<br><br>*Input baja hendaklah disediakan oleh kontraktor.* | Setiap dua minggu | | | |
| 5 | **Merumpai**<br><br>Kawasan penanaman hendaklah bebas daripada segala jenis rumpai dengan menggunakan kaedah dan bahan yang bersesuaian.<br><br>Kawasan yang berumpai juga hendaklah bebas daripada rumpai dan dilaksanakan seperti di atas. | Bulanan | | | |
| 6 | **Kawalan Serangga, Perosak & Penyakit**<br><br>Kerja-kerja kawalan serangga, perosak dan penyakit dengan menyembur racun kimia yang dibenarkan oleh Pegawai Penguasa setiap dua minggu sekali. Bagi pokok-pokok yang telah diserang dengan teruk, penyemburan racun kimia adalah lebih kerap.<br><br>Kawalan serangga perosak dan penyakit hendaklah menggunakan racun yang bersesuaian mengikut kadar dan kaedah yang disyorkan sepenuhnya oleh pengeluar.<br><br>*Input racun hendaklah disediakan oleh kontraktor.* | Setiap dua minggu / mengikut keperluan | | | |

| BIL | PERKARA | MASA/ KEKERAPAN | PATUH | TIDAK PATUH | CATATAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 7 | **Kerja pemotongan / Pemangkasan / Penebangan Pokok**<br><br>Memastikan kerja-kerja pemangkasan samada pemangkasan membentuk atau pilihan atau lain-lain bentuk biasa atau pemuliharaan yang diarahkan oleh IKMa. Dahan dan ranting yang cedera, mati atau diserang serangga/penyakit hendaklah dicantas.<br>Cantasan hendaklah tidak meninggalkan tunggul pada dahan. Manakala cantasan yang cedera perlu dirawat dengan sempurna. Kaedah cantasan mestilah mengikut kesesuaian dan peraturan yang diamalkan Arboriculture dan terlebih dahulu mendapat kebenaran IKMa.<br>Kerja-kerja penebangan dan pemotongan pokok pelbagai saiz atas faktor keselamatan dengan menggunakan *kren* di keseluruhan kawasan IKMa beserta membawa keluar semua sisa penebangan dari IKMa. | Setiap dua minggu/ secara konsisten<br><br>Setahun sekali /mengikut keperluan | | | |
| 8 | **Penggantian Pokok**<br><br>Tanaman yang rosak atau tidak sihat akibat kecuaian dan tidak kecekapan pihak kontraktor dalam menguruskan tanaman hendaklah di tanam semula mengikut spesifikasi yang diluluskan oleh IKMa. Kontraktor perlu senaraikan jenis input tanaman/ pokok untuk dibekalkan dgn nilai yang dipersetujui oleh pihak IKMa. | Mengikut keperluan | | | |
| 9 | **Tapak Semaian**<br><br>Menjalankan kerja-kerja semaian, penanaman, penyiraman dan penjagaan pokok-pokok baru bagi majlis-majlis rasmi tertentu.<br>Kontraktor perlu terlebih dahulu mendapatkan kelulusan daripada IKMa berkenaan jenis pokok yang hendak ditanam.<br><br>Tapak semaian perlu disediakan oleh kontraktor di kampus IKMa Jln Templer. | Harian / Mingguan / Bulanan atau mengikut keperluan | | | |
| 10 | **Pengindahan**<br><br>Menjalankan kerja-kerja menyusun atur pokok bunga pasuan untuk majlis-majlis rasmi dan masa yang sesuai dari masa ke semasa untuk tujuan pengindahan kawasan bangunan. Kontraktor perlu terlebih dahulu mendapat arahan dan kebenaran daripada pihak IKMa sebelum melaksanakan kerja-kerja pengindahan. | Sekali sebulan / apabila diperlukan dari masa ke semasa. | | | |

| BIL | PERKARA | MASA/ KEKERAPAN | PATUH | TIDAK PATUH | CATATAN |
|---|---|---|---|---|---|
| **C** | **PEMBERSIHAN KAWASAN** | | | | |
| 1 | **<u>Pembersihan Kawasan</u>**<br><br>Menjalankan kerja-kerja pembersihan kawasan di semua kawasan bangunan, tempat letak kereta (kakitangan & awam), padang serbaguna dan padang petanque. Menyapu semua sampah sarap, membersih longkang dan mengosongkan semua tong sampah disekeliling bangunan dan kerja-kerja yang berkaitan seperti yang diarahkan oleh IKMa.<br><br>Kerja-kerja pembersihan kawasan hendaklah terdiri daripada :-<br>i. Menyapu bersih dedaun kering dan sampah sarap di tempat letak kereta terbuka dan berbumbung, jalan raya, persekitaran bangunan dan longkang.<br>ii. Membersih padang serbaguna dan padang petanque<br>iii. Membersih dan membuang pasir yang terperangkap di atas jalan dan sebagainya.<br><br>Sisa-sisa daun dan sampah sarap hendaklah dikumpul dan dimasukkan ke dalam beg sampah dan dikumpulkan ke dalam 'tong roro' di lokasi yang disediakan. Sampah-sampah ini kemudiannya perlu dibuang keluar daripada IKMa pada setiap dua minggu sekali. | Harian<br><br>Kerja-kerja menyapu dan membersih hendaklah selesai sebelum jam 8.00 pagi atau bila-bila masa sekiranya perlu. | | | |
| 2 | **<u>Pembersihan Longkang</u>**<br><br>Kerja-kerja mencuci longkang menggunakan bahan kimia seperti *clorine* hendaklah dilaksanakan pada hari sabtu sahaja/ megikut keperluan menggunakan peralatan yang bersesuaian seperti *waterjet*. Sukatan bahan hendaklah mengikut arahan sepenuhnya daripada pihak pengeluar.<br>*(Input bahan dan peralatan adalah disediakan oleh kontraktor)* | Setiap minggu/ Secara Konsisten | | | |
| 3 | **<u>Rumah Sampah</u>**<br><br>Rumah Sampah **hendaklah di cuci dan disanitasi** dilakukan selepas pungutan sampah oleh pihak kontraktor alam sekitar (MBPJ) menggunakan air daripada punca yang berdekatan.<br>Rumah sampah perlu sentiasa bersih dan bebas daripada bau dan lalat. | Harian/ mengikut keperluan | | | |

| BIL | PERKARA | MASA/ KEKERAPAN | PATUH | TIDAK PATUH | CATATAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 4 | **Membersih Saluran Air Bumbung, Bumbung Pejalan Kaki, Foyer & Balkoni**<br><br>Kontraktor hendaklah memeriksa, membersih dan memastikan tiada sebarang daun, pokok, halangan, tersumbat dan air bertakung pada lokasi-lokasi berikut:-<br><br>v. Saluran air bumbung *(gutter)*<br>vi. Bumbung pejalan kaki<br>vii. Foyer lobi Blok B & Auditorium<br>viii. Balkoni bangunan blok E.<br><br>Kontraktor hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran dan sentiasa dipantau semasa kerja-kerja dilaksanakan. | Sekali sebulan | | | |
| 5 | **Menyediakan Tong Roro (Saiz : 12'Lx6'Wx4'H)**<br><br>Kontraktor hendaklah menyediakan satu unit tong roro di IKMa untuk tujuan pengumpulan sampah landskap dan yang berkaitan. Sampah didalam tong roro tersebut hendaklah dikeluarkan dari IKMa setelah penuh atau dua minggu sekali. Lokasi dicadangkan penempatan tong roro adalah di belakang kuarters IKMa.<br><br>*Input kenderaan hendaklah disediakan oleh kontraktor* | Setiap dua minggu | | | |
| 6 | **Membuang Sampah Pukal/ barang buangan**<br><br>Kontraktor hendaklah Mengumpul, memungut dan menyedia pengangkutan bersesuaian (*Tong Roro saiz besar)* bagi membuang sampah pukal/barang terbuang di rumah sampah dan sekitar kawasan IKMa. (Kerja-kerja dilaksanakan apabila diarahkan)<br><br>*Input kenderaan hendaklah disediakan oleh kontraktor*<br><br>* *Bayaran akan dibuat hanya apabila perkhidmatan dijalankan.* | mengikut keperluan | | | |

| BIL | PERKARA | MASA/ KEKERAPAN | PATUH | TIDAK PATUH | CATATAN |
|---|---|---|---|---|---|
| **D** | **KAWALAN PEMBIAKAN JENTIK-JENTIK/ NYAMUK AEDES** | | | | |
| 1 | **Meletak Serbuk racun pembunuh jentik-jentik/ nyamuk aedes *(Abate)***<br><br>Menjalankan kerja-kerja meletakkan serbuk racun pembunuh jentik-jentik atau *Abate* di tempat dan kawasan yang didapati menjadi tempat pembiakan jentik-jentik/ nyamuk aedes.<br><br>Kontraktor perlu terlebih dahulu memaklumkan kepada pegawai bertanggungjawab IKMa sebelum kerja-kerja tersebut dijalankan. | Setiap dua minggu<br><br>*Input racun hendaklah disediakan oleh kontraktor* | | | |
| 2 | **Tempat Pembiakan Jentik-jentik/ Aedes**<br><br>Kontraktor hendaklah memastikan tiada tempat-tempat pembiakan jentik-jentik / nyamuk aedes di seluruh kawasan IKMa.<br><br>***Jika pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Kesihatan menjumpai tempat pembiakan jentik-jentik / nyamuk aedes, pihak kontraktor bertanggungjawab sepenuhnya kepada kompaun atau denda yang dikenakan.*** | Harian/ secara konsisten | | | |
| 3 | **Kawalan Haiwan Liar Ular dari memasuki kawasan IKMa Jalan Templer dan Jalan Tandang**<br><br>Menjalankan kerja-kerja meletakkan serbuk racun (*belerang sulphur powder)* di tempat dan kawasan yang didapati menjadi laluan masuk haiwan liar ular tersebut.<br><br>Kontraktor perlu terlebih dahulu memaklumkan kepada pegawai bertanggungjawab IKMa sebelum kerja-kerja tersebut dijalankan. | Setiap dua minggu/ Mengikut keperluan | | | |
| **E** | **KAWALAN KUCING LIAR** | **MASA/ KEKERAPAN** | **PATUH** | **TIDAK PATUH** | **CATATAN** |
| 1 | **Menangkap dan membawa keluar dari IKMa**<br><br>Menjalankan kerja-kerja menangkap kucing liar yang berkeliaran di persekitaran IKMa dan membawa keluar dari Kompleks IKMa. Kontraktor juga perlu memastikan dapat meminimumkan bilangan kucing liar di dalam kawasan Kompleks IKMa PJ.<br><br>Kontraktor perlu terlebih dahulu memaklumkan kepada pegawai bertanggungjawab IKMa sebelum kerja-kerja tersebut dijalankan. | Mengikut keperluan<br><br>*Input dan kaedah hendaklah disediakan oleh pihak kontraktor* | | | |

## LAMPIRAN 1

**SENARAI CADANGAN PENYEDIAAN PERALATAN, MESIN, BAJA, RACUN DAN LAIN-LAIN YANG BERKAITAN :**

| BIL | PERKARA | JENIS/ JENAMA | KUANTITI | PATUT/ TIDAK PATUH | CATATAN |
|---|---|---|---|---|---|
| **A** | **PAKAIAN SERAGAM** | | | | |
| 1. | **Baju Seragam T-shirt**<br>1.1 Penyediaan pakaian seragam kepada semua pekerja beserta topi<br>1.2 Penyediaan kasut bertutup yang bersesuaian<br>1.3 Penyediaan Sarung tangan yang bersesuaian | | 3 set/ tahun | | |
| **B** | **PENYEDIAAN RACUN** | | | | |
| 1. | Racun rumput | | 5 L/ bulan | | |
| 2. | Racun ulat | | 200 ml/ bulan | | |
| 3. | Racun daun | | 200 ml/ bulan | | |
| 4. | Racun serangga | | 200ml/ bulan | | |
| 5. | Serbuk racun membunuh jentik-jentik | | 200gm/ bulan | | |
| **C** | **PENYEDIAAN BAJA POKOK** | | | | |
| 1. | Baja daun | | 5 kg/ bulan | | |
| 2. | Baja bunga | | 5kg/ bulan | | |
| 3. | Baja rumput | | 5kg/ bulan | | |
| 3. | Baja kopi | | 5kg/ bulan | | |
| 4. | Baja organic | | 5kg/ bulan | | |
| 5. | Baja merah | | 5kg/ bulan | | |

| BIL | PERKARA | JENIS/ JENAMA | KUANTITI | PATUT/ TIDAK PATUH | CATATAN |
|---|---|---|---|---|---|
| **D** | **PENYEDIAAN PERALATAN** | | | | |
| 1. | Penyapu lidi sekali batang dan penyodok  | | 10 | | |
| 2. | Pencakar   | | 4 | | |
| 3. | Cangkul  | | 2 | | |
| 4. | Cop Tanah  | | 2 | | |
| 4. | Peralatan menggembur  | | 3 set | | |
| 5. | Gunting Pangkas/ Sekateur  Kiri: Gunting Pangkas Pintas. Kanan: Gunting Pangkas Anvil. Perhatikan bilah anvil lurus manakala bilah pintas melengkung. | | 3 set | | |

**KERJA-KERJA PENYENGGARAAN KAWASAN DAN LANDSKAP UNTUK TEMPOH 2 TAHUN DI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) JALAN TEMPLER DAN JALAN TANDANG, PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN.**

| BIL | PERKARA | JENIS/ JENAMA | KUANTITI | PATUT/ TIDAK PATUH | CATATAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 6. | Gergaji Cantasan  | | 2 | | |
| 7. | Gergaji Tangan   | | 2 | | |
| 8. | Gergaji   | | 1 | | |
| 9. | Gunting Pemangkas Pokok  | | 3 | | |
| 10. | Mesin Pemangkas Pokok  | | 1 | | |

| BIL | PERKARA | JENIS/ JENAMA | KUANTITI | PATUT/ TIDAK PATUH | CATATAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 8. | Mesin Gergaji Besi *Panjang*   | | 1 | | |
| 9. | Mesin Gergaji Besi tebang / potong pokok   | | 1 | | |
| 10. | Kereta Sorong  | | 1 | | |
| 11. | Troli (Berat Sehingga 500kg)  | | 2 | | |
| 12. | Getah paip dan hose reel   | | 2 | | |

| BIL | PERKARA | JENIS/ JENAMA | KUANTITI | PATUT/ TIDAK PATUH | CATATAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 13. | Water Jet  | | 1 | | |
| 14. | Berus Longkang sekali batang  | | 4 | | |
| 15. | Pencuci Longkang  | | 2 | | |
| 16. | Klorin  | | 45kg | | |
| 17. | Parang  | | 2 | | |

| BIL | PERKARA | JENIS/ JENAMA | KUANTITI | PATUT/ TIDAK PATUH | CATATAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 18. | Botol Spray  | | 2 | | |
| 19. | Bekas Sembur Racun  | | 1 | | |
| 20. | Bekas Siram Pokok  | | 6 | | |
| 21. | Tangga lipat aluminium pelbagai guna   | | 1 | | |

**Mohon memberi cadangan lain peralatan yang bersesuaian dengan Kerja-kerja Penyenggaraan Kawasan dan Landskap.*

# LAMPIRAN 2

## SENARAI TUGAS PENYELIA :

a) Menyedia, menyelia dan menghantar jadual kerja bulanan pekerja penyenggaraan kawasan dan landskap di IKMa sebelum lima (5) hari bulan setiap bulan.

b) Menyedia dan menghantar senarai semak penyenggaraan kawasan dan landskap di IKMa setiap bulan bagi tujuan pemantauan kerja pada setiap 30/ 31 hari bulan setiap bulan.

c) Memastikan kakitangan seliaan hadir bekerja dan menjalankan kerja-kerja seperti yang ditetapkan di dalam jadual dan skop kerja.

d) Memastikan peralatan dan kelengkapan kerja termasuk baja pokok dan racun serangga sentiasa mencukupi.

e) Bertangungjawab memastikan peralatan bagi kerja-kerja menanam, penjagaan taman (landskap), mengangkut dan membuang sampah, penjagaan kebersihan luaran dan membekal pokok dalaman segar disimpan dan disusun dengan baik.

f) Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pekerja penyenggaraan kawasan dan landskap di IKMa Jalan Templer dan Jalan Tandang, Petaling Jaya, Selangor.

g) Kontraktor adalah bertanggungjawab mengambil langkah-langkah keselamatan atau tindakan sewajarnya bagi menjamin dan melindungi keselamatan penghuni, harta benda IKMa dan dokumen kerjaan serta keselamatan penghuni IKMa.

h) Bersedia setiap masa (termasuk cuti mingguan dan cuti umum) apabila dipanggil/ diperlukan oleh penyelia IKMa untuk penyenggaraan kawasan dan landskap di IKMa Petaling Jaya.

i) Sentiasa melaporkan aktiviti kerja penyenggaraan Kawasan dan landskap kepada pegawai yang bertangungjawab (PTJ) IKMa.

j) Melaksanakan arahan PTJ dari masa ke semasa.

## D. [ GARIS PANDUAN TENAGA KERJA ]

### 1. TENAGA KERJA

1.1. Bagi memastikan perkhidmatan tersebut dapat dijalankan dengan memuaskan kontraktor haruslah mengaji dan menentukan **seramai enam (6) orang pekerja (keutamaan pekerja lelaki) termasuk seorang (1) penyelia ditempatkan secara tetap di kawasan IKMa. Senarai nama perlu diserahkan kepada Pihak IKMa tujuh (7) hari bekerja selepas menerima Surat Setuju Terima (SST) daripada pihak IKMa.**

1.2. Sekiranya seorang pekerja bercuti sakit, cuti rehat, cuti kecemasan, tidak hadir bekerja, tidak melapor diri untuk bertugas atau dalam apa jua kedaan yang tidak menghadirkan diri untuk bertugas, maka kontraktor hendaklah memastikan terdapat pekerja lain yang akan menggantikan tugas harian pekerja berkenaan tanpa menjejaskan perkhidmatan tersebut. Jika tiada pekerja yang diganti, tolakan akan dibuat mengikut bilangan hari yang tiada pekerja tersebut.

1.3. Selain tugas-tugas yang disenaraikan, adalah menjadi tangunggjawab IKMa untuk menggunakan khidmat tenaga kerja kontraktor untuk melaksanakan tugas-tugas tertentu yang berkaitan.

1.4. Kontraktor dikehendaki memaklumkan kepada IKMa mengenai pertukaran atau perbehentian seseorang bekerja. Bagi calon pekerja yang akan menjadi pengganti, mereka juga terikat dengan syarat-syarat berkaitan status pekerja dan perlu mengemukakan dokumen yang ditetapkan oleh pihak pengurusan IKMa ini. Pemakluman mengenai pertukaran atau pemberhentian sesorang pekerja dan penyerahan dokumen pekerja baru hendaklah dilakukan serentak selewat-lewatnya **satu (1)** minggu sebelum pemberhentian atau penukaran pekerja tersebut berkuatkuasa.

1.5. Kontraktor hendaklah menugaskan seorang pegawai di peringkat pengurusan di syarikat kontraktor untuk membuat lawatan dan pemeriksaan sekurang-kurangnya sebulan sekali bagi memastikan mutu perkhidmatan sentiasa tinggi dan membuat laporan bertulis untuk semakan dan tindakan pihak IKMa.

1.6. Kontraktor dan pekerja-pekerja hendaklah mematuhi segala peraturan dan arahan-arahan yang diberikan oleh IKMa dari masa ke semasa.

1.7. kontraktor hendaklah melantik seorang penyelia di kalangan pekerja yang dihantar menjalankan perkhidmatan tersebut.

## 2. STATUS PEKERJA

2.1. Semua pekerja (termasuk penyelia) yang diambil bekerja mestilah:

a) Bebas daripada rekod jenayah dan penyalahgunaan dadah;
b) Sihat mental dan fizikal serta tidak mempunyai penyakit merbahaya dan berjangkit;
c) Mahir dan berpengalaman dalam selok belok kerja-kerja penyelenggaraan landskap, penjagaan taman, pembersihan ruang halaman luar bangunan dan penjagaan pokok-pokok dalaman segar;
d) Jujur, amanah, bersopan santun, berdisiplin dan bertangunggjawab; dan
e) Sebolehnya-bolehnya warganegara Malaysia (pihak kontraktor boleh mematuhi pekerja warganegara asing dengan syarat kontraktor mematuhi sepenuhnya peraturan-peraturan imigresen dan undang-undang lain yang berkaitan, yang membolehkan warganegara asing bekerja di Malaysia.

2.2. Sekiranya IKMa mendapati mana-mana pekerja kontraktor pernah terbabit dengan penyalahgunaan dadah atau jenayah sedangkan ianya tidak dilaporkan, IKMa berhak dengan serta merta menggantung kehadiran pekerja terbabit di IKMa dan kontraktor perlu menggantikan pekerja tersebut dengan pekerja lain. Walau bagaimanapun, tindakan penggantian pekerja lain oleh kontraktor tidak menafikan hak IKMa untuk mengambil tindakan lain ke atas kontraktor, selaras dengan syarat-syarat perjanjian ini.

## 3. PAKAIAN SERAGAM/UNIFORM

3.1. Kontraktor mestilah memastikan pekerja diberi bekalan pakaian seragam atau uniform yang mencukupi dan pemakaiannya adalah lengkap dan kemas serta kasut bertutup.

3.2. Pekerja juga hendaklah memakai tanda nama masing-masing dan pas bekerja atau kontraktor IKMa yang boleh didapati di pondok pengawal sebelum memulakan kerja. Pas bekerja atau kontraktor perlu dikembalikan kepada pondok pegawal IKMa setiap kali selepas waktu bekerja.

3.3. Kontraktor hendaklah memastikan pekerja memakai peralatan keselamatan (sekiranya perlu) yang bersesuaian semasa mengendalikan tugas berkaitan.

## 4. WAKTU BEKERJA DAN KERJA LEBIH MASA

4.1. Waktu bekerja ialah **enam (6) hari seminggu, isnin hingga jumaat daripada jam 7.00 pagi hingga 4.00 petang dan sabtu daripada jam 7.00 pagi hingga 1.00 petang (seperti di JADUAL 1).**

4.2. Pihak IKMa boleh dari masa ke masa mengarahkan kerja-kerja tambahan dan kerja tersebut dikehendaki dibuat selepas waktu bertugas atau pada hari cuti rehat, adalah menjadi tanggungjawab kontraktor untuk melaksanakannya. Pihak kontraktor boleh membuat tuntutan kerja lebih masa daripada pihak IKMa.

## 5. SKOP KERJA DAN PERKHIDMATAN

5.1. Skop kerja di bawah kontrak ini merangkumi perkara-perkara yang terkandung dalam Jadual Spesifikasi Harga dan Jadual Spesifikasi/ Skop Kerja

5.2. Skop kerja tersebut ini meliputi penyenggaraan kawasan dan landskap di keseluruhan kawasan Kompleks IKMa Jalan Templer dan Jalan Tandang.

5.3. Tanggungjawab Penyelia/ pekerja :

a) Menyedia, menyelia dan menghantar jadual kerja bulanan pekerja penyenggaraan kawasan dan landskap di IKMa sebelum lima (5) hari bulan setiap bulan.
b) Menyedia dan menghantar senarai semak penyenggaraan kawasan dan landskap di IKMa setiap bulan bagi tujuan pemantauan kerja pada setiap 30/ 31 hari bulan setiap bulan.
c) Memastikan kakitangan seliaan hadir bekerja dan menjalankan kerja-kerja seperti yang ditetapkan di dalam jadual dan skop kerja.
d) Memastikan peralatan dan kelengkapan kerja termasuk baja pokok dan racun serangga sentiasa mencukupi.
e) Bertangungjawab memastikan peralatan bagi kerja-kerja menanam, penjagaan taman (landskap), mengangkut dan membuang sampah, penjagaan kebersihan luaran dan membekal pokok dalaman segar disimpan dan disusun dengan baik.
f) Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pekerja penyenggaraan kawasan dan landskap di IKMa Jalan Templer dan Jalan Tandang, Petaling Jaya, Selangor.
g) Kontraktor adalah bertanggungjawab mengambil langkah-langkah keselamatan atau tindakan sewajarnya bagi menjamin dan melindungi keselamatan penghuni, harta benda IKMa dan dokumen kerjaan serta keselamatan penghuni IKMa.
h) Bersedia setiap masa (termasuk cuti mingguan dan cuti umum) apabila dipanggil/ diperlukan oleh penyelia IKMa untuk penyenggaraan kawasan dan landskap di IKMa Petaling Jaya.
i) Sentiasa melaporkan aktiviti kerja penyenggaraan Kawasan dan landskap kepada pegawai yang bertangungjawab (PTJ) IKMa.
j) Melaksanakan arahan PTJ dari masa ke semasa.

5.4. Peraturan-peraturan umum:

a) Penyelia/pekerja hendaklah mempunyai disiplin yang tinggi, berbudi bahasa, dan memastikan penampilan bersesuaian dengan tanggungjawab dan tugas yang dilaksanakan.
b) Penyelia/pekerja hendaklah sentiasa memakai dan menggunakan peralatan dan bahan yang sesuai serta pakaian seragam yang lengkap.
c) Kontraktor adalah bertanggungjawab mengambil langkah-langkah keselamatan atau tindakan sewajarnya bagi menjamin dan melindungi keselamatan penghuni, harta benda IKMa dan dokumen kerjaan.

5.5. Kontraktor hendaklah menjalankan perkhidmatan menanam, penjagaan taman (landskap), mengangkut dan membuang sampah, penjagaan kebersihan luaran dan membekal pokok dalaman segar mengikut jadual yang telah ditetapkan dengan cara teratur, sempurna dan sentiasa mengekalkan mutu perkhidmatan yang tinggi.

## 6. PENGUATKUASAAN OLEH IKMa

6.1. Kontraktor akan dikenakan tempoh **percubaan selama tiga (3) bulan** di mana IKMa berhak pada bila-bila masa menamatkan perjanjian ini sekiranya pada hemat IKMa perkhidmatan yang diberikan oleh kontraktor tidak memuaskan dengan syarat notis secara bertulis hendaklah diberikan tidak kurang dari 24 jam dari tarikh berkuatkuasanya penamatan tersebut dan IKMa berhak melantik mana-mana syarikat lain yang difikirkan layak.

6.2. Selepas tempoh percubaan selama tiga (3) bulan, prestasi kontraktor akan dinilai oleh IKMa dan sekiranya prestasi adalah memuaskan, kontrak akan disambung untuk baki sembilan (9) bulan.

6.3. Selepas tamat tempoh percubaan tiga (3) bulan dan kontraktor disambung, pihak IKMa berhak menamatkan kontrak dengan sebulan notis sekiranya kerja-kerja penyenggaraan tidak mencapai tahap yang diharapkan oleh IKMa dan pihak kontraktor tidak memenuhi syarat yang ditetapkan.

6.4. Pihak IKMa juga **berhak memotong sebarang pembayaran maksimum 5%** dari bayaran bulanan yang dibuat kontraktor jika didapati kerja-kerja yang dijalankan tidak memuaskan atau tidak menjalankan perkhidmatan seperti mana spesifikasi tugas yang telah ditetapkan selepas amaran bertulis sebanyak tiga (3) kali atau cara lain yang dipersetujui kedua belah pihak sebagai wajar.

## 7. AM

7.1. Pekerja hendaklah hadir bertugas **TIDAK LEWAT** daripada waktu yang ditetapkan termasuk pekerja pengganti jika pekerja yang bertugas bercuti atau tidak hadir.

7.2. Memastikan setiap pekerja mematuhi dan menghormati peraturan-peraturan semasa IKMa.

7.3. Setiap pekerja dikehendaki menunjukkan budi pekerti yang baik, mempunyai disiplin kelakuan termasuk tutur kata, pakaian dan rambut bersesuaian dengan tugas yang dilaksanakan.

7.4. Mengemaskini maklumat pekerja dan memaklumkannya kepada pihak IKMa sekiranya terdapat perubahan/pertukaran pekerja.

7.5. Setiap pekerja hendaklah sentiasa memakai pakaian seragam yang lengkap dan kemas semasa bertugas.

7.6. Pekerja **DILARANG MEROKOK/ *VAPE*** semasa menjalankan tugas.

7.7. Sebarang kerosakan/ kehilangan harta IKMa atau penghuni premis yang berpunca/ disebabkan oleh kecuaian pekerja dan terbukti, maka pihak kontraktor dikehendaki memperbaiki/ menggantikannya.

7.8. Pekerja adalah **DILARANG TIDUR** pada bila-bila masa semasa bertugas.

7.9. Kontraktor bertanggungjawab untuk memberi teguran dan amaran sekiranya mendapati anggota pekerja cuai ketika menjalankan tugas.